

20/08/1998

Keputusan kekalkan cukai wajar

KUALA LUMPUR, Rabu - Kesatuan sekerja dan pertubuhan pengguna menyifatkan keputusan kerajaan tidak menaikkan cukai sebagai tepat dan dibuat atas dasar prihatin terhadap rakyat.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang mewakili 181 kesatuan dan lebih 750,000 anggota, Zainal Rampak, berkata cadangan itu baik terutama ketika rakyat negara ini bergelut dengan kegawatan ekonomi.

Menurutnya, MTUC akan turut mengemukakan memorandum kepada kerajaan tidak lama lagi yang menggariskan beberapa cadangan untuk belanjawan tahun depan.

Antara yang akan ditekankan ialah pembinaan rumah kos rendah yang perlu dilaksanakan segera serta keperluan mengekalkan khidmat kesihatan serta pendidikan awam pada tahap tidak membebankan rakyat.

"Selain cukai yang tidak dinaikkan, kita berharap kos perkhidmatan seperti caj air, elektrik dan Indah Water (rawatan kumbahan) tidak dinaikkan.

"Usaha memulihkan ekonomi perlu dilakukan mengikut cadangan dalam pelan pemulihan ekonomi negara yang diumumkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara baru-baru ini," katanya.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan tidak bercadang menaikkan cukai dalam Belanjawan 1999 yang dibentangkan di Parlimen Oktober ini.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), N Siva Subramaniam, sambil mengalu-alukan langkah itu berkata, walaupun ada negara yang terjejas ekonominya mengambil langkah itu, Malaysia tidak harus membebankan rakyat dengan tindakan sedemikian.

Cuepacs akan mengemukakan pandangan dan cadangannya kepada kerajaan pada masa dua minggu ini untuk dimasukkan dalam belanjawan itu.

"Kita akan tekankan mengenai perlunya menjaga kepentingan masyarakat pekerja dalam usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara," katanya.

Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Prof Haman Adnan pula meminta rakyat bekerja lebih kuat bagi meningkatkan pendapatan diri dan negara selaras langkah kerajaan tidak menaikkan cukai dalam Belanjawan 1999.

(END)